

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI
Tajuk : SEMPENA MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM TAHUNAN 1997 PERSATUAN SAINTIS
PENYELIDIK MALAYSIA (MARS)
Lokasi : HOTEL SHANGRI-LA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 18-11-1997

1. Terlebih dahulu saya dan isteri mengucapkan berbanyak terima kasih di atas undangan Persatuan Saintis Penyelidik Malaysia ke majlis makan malam tahunan yang julung kali diadakan sejak MARS ditubuhkan dua tahun yang lalu.

2. Syabas diucapkan kepada MARS di bawah pimpinan Y. Bhg.

Datuk Dr. Ahmad Tajuddin Ali dan ahli-ahlinya yang telah mengambil satu inisiatif yang bijak ke arah menyediakan satu pelantar atau platform kepada para saintis dan penyelidik tempatan bagi mengembling tenaga membantu negara bergerak ke hadapan dalam arena sains dan teknologi (S&T).

Semoga dengan kemuafakatan di kalangan para saintis negara yang terjalin melalui aktiviti-aktiviti MARS, akan menzahirkan semangat kerjasama yang mantap bukan sahaja dari segi idea dalam program-program penyelidikan, bahkan dalam aspek prasarana dan kelengkapan makmal yang moden dan mahal bagi mengelak pembaziran, lebih-lebih lagi dalam suasana kekusutan ekonomi yang sedang melanda negara.

4. Sesungguhnya Kerajaan mengambil perhatian yang tinggi terhadap aktiviti dan pembangunan S&T negara. Ke arah ini, Kerajaan telah mewujudkan program tabung pembangunan sumber manusia di dalam bidang sains dan teknologi yang dikenali sebagai Tabung HRD S&T di bawah pengurusan Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar. Sehingga hujung bulan September 1997, sejumlah 156 calon telah mendapat kelulusan pembiayaan di bawah Tabung ini. Mereka terdiri daripada calon-calon di bawah Kursus Formal M.Sc. Ph.D dan Post Doctoral. Usaha ini turut meliputi Program Kursus Jangka Pendek dan Program Sangkutan yang membabitkan peruntukan operasi sebanyak RM 8.7 juta bagi tahun 1997.

5. Di bawah program jangka panjang, Jawatankuasa Pemandu HRD S&T telah meminta Kementerian Pendidikan mengemukakan cadangan untuk mengisi program kesedaran sains bagi guru-guru dalam bidang sains untuk dipertimbangkan oleh MPKSN. Pendekatan dan pemupukan budaya serta daya berfikir ke arah bidang sains dan teknologi perlu disemai dan dibaja dari peringkat awal lagi. Jika diizinkan Allah, kita akan melahirkan tokoh-tokoh sains dan teknologi bertaraf world class dan mampu meraih Nobel Prize menjelang tahun 2020 nanti.

6. Pemimpin kita, Y.A.B. Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak pernah jemu memperingatkan kita agar fokus penyelidikan hendaklah berlandaskan market driven. Ke arah ini, kita harus mempunyai strategi-strategi yang sistematik untuk membolehkan industri tempatan berupaya menembusi pasaran dunia dalam dekad baru yang semakin hampir. Kita boleh merealisasikan ini dengan work smart by doing the right thing. Justeru itu pendekatan strategic alliances amat sesuai, bahkan titik permulaan yang amat baik ialah di kalangan ahli-ahli MARS sendiri menerusi aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh MARS.

7. Program geran penyelidikan dan pembangunan industri atau 'industry research and development grant (IGS)' telahpun dilancarkan pada tahun 1996 dengan tujuan menggalak dan memperkukuhkan mekanisma IGS melalui usahasama rangkaian institusi di antara sektor swasta dan sektor awam bersama universiti dan juga institusi penyelidikan. Skim IGS turut memudah dan mempercepatkan pembangunan teknologi tempatan melalui rangkaian penyelidikan dan pembangunan berlandaskan strategi global dan regional. Malah, geran sehingga 70% daripada kos projek boleh diperolehi di bawah skim ini bagi bidang-bidang bersangkutan dengan advanced manufacturing, advanced materials, electronics, it and multimedia technology, biotechnology, energy, aerospace dan bidang-bidang teknologi utama yang akan menyokong rumpun industri di bawah Industrial Master Plan (IMP 2) ataupun teknologi sasaran di dalam Rancangan Malaysia ketujuh. Sehingga kini urusetia IGS, di Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telahpun menerima permohonan untuk bantuan geran bernilai RM40.6 juta.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

8. Saya berasa bangga isu kekurangan peruntukan bagi penyelidikan di bawah mekanisma program IRPA telah diatasi dengan tambahan peruntukan berjumlah RM1.0 bilion di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh berbanding RM600 juta di bawah Rancangan Keenam. Pada masa ini perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan mencatatkan 0.56 peratus daripada GDP negara. Di bawah program IRPA bagi tempoh Rancangan Keenam, daripada lima (5) sektor iaitu pertanian, industri, perubatan, strategik dan sains sosial ianya telah dipertingkatkan kepada sebelas (11) sektor. Panel-panel baru ini mempunyai kemahiran strategik dalam bidang agro- industri, mineral, energy, construction, perkhidmatan, teknologi maklumat, sosial, ekonomi, kesihatan, alam sekitar dan kejuruteraan juga telah dilantik. Pada masa kini peruntukan IRPA bagi tempoh 1996 adalah sebanyak RM352.7 juta.

9. Saya menggesa kepada saudara dan saudari para penyelidik sekalian supaya memanfaatkan sepenuhnya segala kemudahan infrastruktur dan peluang yang disediakan untuk menjadi agen perubahan utama dalam memajukan lagi bidang sains dan teknologi negara. Semoga dengan usaha gigih saudara dan saudari, satu landasan yang kukuh dapat dibina untuk membawa generasi akan datang ketahap kecemerlangan global yang lebih bermakna.

10. Dahulunya sewaktu dijajah, perjuangan ibu bapa kita adalah untuk memerdekakan negara dari belenggu penjajah imperialis. Sebaliknya kita kini berhadapan dengan cabaran yang lebih besar yang dibawa oleh arus jajahan ekonomi, misalnya urusan niaga matawang tanpa kawalan. Salah satu senjata yang amat berkesan bagi memerdekakan kita dari jajahan bentuk ini ialah mempertingkatkan kekuatan daya saing negara. Kita harus segera melakukan anjakan paradigma dan mengikis segala amalan negatif yang menjadi rintangan kepada kejayaannya demi penghormatan negara dan martabat bangsa di arena antarabangsa. Kita mampu menjadi pemimpin disegani dan digeruni dalam bidang sains dan teknologi, malah saudara dan saudari sama ada disedari atau tidak merupakan pemain utama negara di dalam percaturan globalisasi yang dizahirkan melalui liberalisasi ekonomi dan politik.

11. Sejak akhir-akhir ini, timbul pandangan bahawa pelajar- pelajar kurang berminat untuk menceburi bidang sains dan teknologi. Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan dan Kementerian Sains, Teknologi Dan Alam Sekitar telah mengambil beberapa langkah pragmatik bagi memastikan gejala ini tidak merebak. Penubuhan sekolah bistari, Pusat Sains Negara, bantuan kewangan khusus dan pemberian anugerah telahpun diusahakan bagi memupuk minat ke arah sains dan teknologi. Malah, jika dilihat sekeliling tidak kurang juga bilangan tokoh korporat yang berlatarbelakangkan sains dan teknologi memimpin dan menerajui agensi-agensi utama negara sekarang ini.

12. Akhir kata, saya dengan ikhlas dan luhur hati memberi sepenuh sokongan terhadap penglibatan saudara dan saudari dalam MARS dan yakin persatuan ini akan terus dipupuk demi mencapai matlamat dan objektif penubuhannya.

Saya sudahi dengan ucapan Selamat Maju Jaya.